


RCEP: Malaysia boleh jadi hab akses pasaran lebih besar

Mei 14, 2022 @ 3:29pm



Mohamed Azmin dalam sesi wawancara bersama Reuters di Washington. - FOTO BERNAMA

WASHINGTON: Malaysia mengalu-alukan cadangan blok ekonomi Indo-Pasifik oleh Presiden Amerika Syarikat (AS), Joe Biden, namun melihat peluang segera yang lebih besar dalam akses kepada pakatan perdagangan diketuai China untuk menarik lebih banyak pelaburan syarikat global.

Pentadbiran Biden mengusulkan Rangka Kerja Ekonomi Indo-Pasifik (IPEF) yang menyasar untuk menawarkan sebuah platform diketuai AS bagi rundingan standard serantau berkait aliran data dan perdagangan digital, standard buruh, pengurangan pelepasan gas karbon, serta tadbir urus.

Bagaimanapun, sesetengah negara dan kumpulan perniagaan kecewa kerana ia tidak akan mengurangkan tarif antara ahli atau memasukkan peningkatan tradisional ke dalam akses pasaran.

Menteri Kanan Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali, berkata Perkongsian Ekonomi Komprehensif Serantau (RCEP) yang baru dilancarkan, memberi keupayaan kepada syarikat untuk menggunakan Malaysia sebagai hab bagi mengakses pasaran membabitkan satu pertiga daripada populasi global dan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dunia.

"Ia mewakili hampir 2.3 bilion orang bawah RCEP. Justeru, sekali lagi, kami ingin mempelawa syarikat besar untuk ke Malaysia dan menggunakan Malaysia sebagai pintu untuk menembusi akses pasaran lebih besar serta menikmati tarif lebih rendah bagi produk eksport kami," katanya dalam wawancara bersama Reuters, semalam.

Pelan IPEF adalah topik utama perbincangan pada sidang kemuncak pemimpin ASEAN di Washington, namun ia dijangka tidak dilancarkan secara rasmi hinggalah Biden melawat Jepun pada minggu depan.

Mohamed Azmin berkata, IPEF 'bukan Perkongsian Trans-Pasifik (TPP) 2.0', sebaliknya ia mewakili pembabitkan ekonomi secara formal yang pertama bersama AS.

"Ia adalah permulaan baik untuk kita terbabit dalam pelbagai isu, termasuk elemen bukan tradisional seperti alam sekitar, perubahan iklim, amalan buruh serta tadbir urus," katanya.

Bagaimanapun, beliau berkata, Malaysia masih perlu membuat keputusan mengenai teras IPEF yang mahu disertai.

Bagi menjadikan projek itu lebih menarik kepada negara Asia tanpa mengurangkan tarif import AS, katanya, beliau menyarankan kepada Setiausaha Perdagangan AS, Gina Raimondo, supaya IPEF memasukkan beberapa peruntukan bagi menyediakan lebih banyak bantuan teknikal dan pembinaan kapasiti kepada negara anggota untuk merapatkan jurang tahap pembangunan antara mereka.

Beliau berkata, ia akan membantu negara kurang membangun untuk mematuhi standard antarabangsa berhubung buruh dan alam sekitar. - REUTERS